



IKLAN JAWATAN KOSONG PENOLONG AKAUNTAN GRED W29

**INDIVIDU WARGANEGARA MALAYSIA (ANAK NEGERI SELANGOR) YANG BERKELAYAKAN
ADALAH DIPELAWA UNTUK MENGISI KEKOSONGAN JAWATAN SEPERTI DI BAWAH**

1. (a) Jawatan / Gred : Penolong Akauntan (W29)
- (b) Badan / Unit : Tabung Infak Jariah umat Islam Selangor (TIJARI)
- (c) Klasifikasi Perkhidmatan : Kewangan (W)
- (d) Jenis Skim Perkhidmatan : Pelaksana
- (e) Kumpulan Perkhidmatan : Pelaksana Berkelayakan STPM/Diploma
- (f) Gred : W29
- (g) Tempoh Perkhidmatan : Dua (2) Tahun
- (h) Jadual Gaji : (RM Sebulan)

GRED GAJI	GAJI MINIMUM	GAJI MAKSIMUM	KADAR KENAIKAN GAJI TAHUNAN
W29	RM1,498.00	RM5,678.00	RM145.00

Imbuhan Tetap Khidmat Awam (ITKA) : RM160.00

Imbuhan Tetap Perumahan (ITP) : RM300.00

Imbuhan Sara Hidup (COLA) : RM350.00

2. Syarat Lantikan

: Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:

(a) Warganegara Malaysia; dan

(b) Anak kelahiran Negeri Selangor.

(c) Ibu atau bapa dilahirkan di Negeri Selangor ; atau
Telah bermastautin di Negeri Selangor selama lebih **15 tahun** serta mendapat pengesahan daripada Penghulu Mukim yang dilantik oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri Selangor (SPAN). ***(Surat pengesahan pemastautin hendaklah dilampirkan).**

(d) Berumur **tidak kurang** dari **25 tahun** pada tarikh tutup iklan jawatan;

(e) Kelayakan Lantikan Ke Gred W29 :-

: (i) Sijil dalam bidang pengajian perniagaan atau penyimpan kira yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada Politeknik tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

Gaji permulaan : Gred W29: RM1,510.92

ATAU : (ii) *Certified Accounting Technician* (CAT) yang diiktiraf atau

Gaji permulaan : Gred W29: RM1,510.92

ATAU : (iii) Diploma dalam bidang pengajian perniagaan kewangan, perbankan atau perakaunan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

Gaji Permulaan : Gred W29 : RM1,776.08

ATAU : (iv) Licentiate of The Chartered Institute of Secretaries and Administrators of United Kingdom dalam bidang yang diiktiraf oleh kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

Gaji permulaan : Gred W29: RM2,001.68

Syarat Bahasa : Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

3. Taraf Jawatan : Kontrak (*Contract Of Services*)

4. Deskripsi Tugas :
- (a) Membantu Akauntan dalam aspek pengurusan dan pengoperasian TIJARI;
 - (b) Merekod semua terimaan tunai, cek, pemindahan bank atau transaksi elektronik daripada penyumbang/sumber amanah;
 - (c) Membantu penyediaan baucar dan proses pembayaran;
 - (d) Memastikan rekod-rekod penerimaan dan rekod-rekod perbelanjaan sentiasa dikemaskini dan disimpan dengan baik;
 - (e) Membantu menyelenggara semua dokumen dan rekod-rekod kewangan yang akan terlibat dengan semakan firma audit dan membantu proses auditan;
 - (f) Membantu bendahari dalam urusan dan semakan yang berkaitan dengan transaksi bank;
 - (g) Tugas-tugas lain yang diarahkan dari semasa ke semasa.

5. Cara Memohon : (a) Permohonan hendaklah dibuat dengan menghantar maklumat diri (**resume**) kepada :

Setiausaha

Tabung Infak Jariah Umat Islam Selangor (TIJARI)
Aras G, Menara Selatan, Bangunan Sultan Idris Shah
No.2, Persiaran Masjid, Bukit SUK, Seksyen 5
40676 Shah Alam, Selangor Darul Ehsan.

Sebelum atau pada **10 Oktober 2025 (Jumaat)** sebelum jam **12.00 tengah hari**.

- (b) Permohonan hendaklah disertakan dengan dua (2) keping gambar berukuran passport (terkini), sesalinan kad pengenalan, sesalinan kad pengenalan ibu dan bapa, sesalinan sijil kelahiran pemohon, surat pengesahan pemastautin (jika bukan anak kelahiran Negeri Selangor), sesalinan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM), sijil kelayakan yang diiktiraf yang setaraf dengannya, sijil-sijil persekolahan dan lain-lain dokumen yang berkaitan.
- (c) Sila **tulis nama penuh dan jawatan** di sebelah atas (kiri) sampul surat.
- (d) Semua salinan sijil hendaklah **diakui sah**.
- (e) Permohonan yang berkaitan akan ditolak / tidak akan diproses jika:
- tidak disertai dengan dokumen yang diperlukan;
 - tidak lengkap atau tidak terang;
 - tidak memenuhi syarat-syarat kelayakan;
 - tidak disertakan gambar; dan
 - tidak ditandatangani.
- (f) Keutamaan akan diberikan kepada calon-calon yang mempunyai pengalaman bekerja sekurang-kurangnya **dua (2) tahun** di mana-mana agensi / badan / syarikat.
- (g) Permohonan adalah dianggap **tidak berjaya** sekiranya tidak dihubungi dalam tempoh masa seperti yang berikut:
- selepas 6 bulan dari tarikh iklan ditutup; atau
 - selepas 6 bulan dari tarikh temu duga (sekiranya berjaya dipanggil temu duga).
- (h) Sebarang maklumat lanjut sila hubungi urusetia di talian [03-5514 3444](tel:03-5514 3444) / [017-551 4469](tel:017-551 4469) atau layari <https://tijari.com.my/>.

TARIKH IKLAN : 30 SEPTEMBER 2025